



## KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA

Jabatan Pendidikan Negeri Sembilan  
Jalan Dato' Hamzah,  
Karung Berkunci No. 6,  
70990 Seremban,  
Negeri Sembilan Darul Khusus.

Tel : 06-7653100  
Faks : 06-7639969  
Laman Web : jpns.moe.gov.my

Ruj. Kami : JPNS.SPM.PBM. 900-1/21Jld.2 (19)

Tarikh : 1 September 2021

**Pengetua dan Guru Besar,**  
Sekolah - Sekolah Negeri Sembilan.

Tuan,

### **PERTANDINGAN *micro:bit* INNOVATION & ROBOTIC COMPETITION (mIRC 2021) SECARA ATAS TALIAN PERINGKAT KEBANGSAAN**

Dengan hormatnya merujuk surat Kementerian Pendidikan Malaysia, KPM.600-12/1/4 Jld.21(60) bertarikh 28 Mei 2021 adalah berkaitan.

2. Sukacita dimaklumkan bahawa Jabatan Pendidikan Negeri Sembilan (JPNS) telah menerima dan meneliti permohonan penganjuran program di atas daripada **Elvira Systems Sdn. Bhd.** Pihak kami menyokong penglibatan murid dalam program ini bagi melestarikan pembangunan kokurikulum di negara ini. Berikutan kesan penularan wabak Covid-19 yang melanda seluruh dunia, penjarakan fizikal, pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP), beberapa perubahan telah dibuat ke atas aktiviti yang dipertandingkan dengan mengambil kira saranan dan garis panduan yang dikeluarkan oleh Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM).

3. Sehubungan dengan itu, pihak kami mengambil maklum akan permohonan untuk membenarkan dan **tiada halangan** bagi murid-murid untuk menyertai **Pertandingan *micro:bit* Innovation & Robotic Competition (mIRC 2021) Secara Atas Talian Peringkat Kebangsaan** yang akan diadakan bermula 1 September 2021 sehingga 10 Oktober 2021 sahaja selaras Surat Pekeliling Ikhtisas KPM Bil.8/1995, BIL.7/1988, Bil.8/2009, Bil.5/2018 dan Surat Siaran Pengurusan Kokurikulum Bil.2/2010 serta mematuhi Garis Panduan Pelaksanaan Aktiviti Sukan dan Kokurikulum KPM dan *Standard Operating Procedure (SOP)* yang telah ditetapkan oleh Majlis Keselamatan Negara (MKN) dan Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM). Antara perkara - perkara yang perlu dipatuhi dalam melaksanakan aktiviti adalah seperti berikut :

- 3.1 Semua murid yang terlibat hendaklah mendapat kebenaran dan persetujuan daripada Pengetua/Guru Besar sekolah yang terlibat bagi menyertai program ini.
- 3.2 Penyertaan murid hendaklah secara sukarela dan mendapat kebenaran bertulis daripada ibu bapa/penjaga.
- 3.3 Penyertaan murid tidak mengganggu atau menjejaskan waktu pengajaran dan pembelajaran (PDP) / program/aktiviti sekolah;
- 3.4 Semua kos untuk menyertai program ini ditanggung sendiri serta **tiada implikasi kewangan** kepada pihak PPD/Jabatan.

Ruj. Kami : JPNS.SPM.PBM. 900-1/21Jld.2 ( 19)

**PERTANDINGAN *micro:bit* INNOVATION & ROBOTIC COMPETITION (mIRC 2021)  
SECARA ATAS TALIAN PERINGKAT KEBANGSAAN**

---

4. Butiran program adalah seperti ketetapan berikut:


**Tarikh Pendaftaran : 1 September 2021**  
**Tarikh Tutup : 10 Oktober 2021**  
**Info program : <http://mirc2021.webnode.com/>**

5. Jabatan ini memohon kerjasama tuan/puan agar dapat menyebarkan pertandingan ini. Sebarang pertanyaan lanjut berkenaan pertandingan ini, pihak tuan boleh terus berhubung dengan **En. Izwan Hadi bin Zamhuri** menerusi talian **016 6653975 / [izwan@elvirasys.com](mailto:izwan@elvirasys.com)** dan **Puan Balqis binti Abdul Wahid, Pen. Pengarah UPBM, JPNS** di talian **06-7653497** atau e-mel **balqis.abdwahid@moe.gov.my**. Keprihatinan dan kerjasama tuan amat dihargai serta disanjung tinggi.

Sekian, terima kasih.

**“WAWASAN KEMAKMURAN BERSAMA 2030”  
“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”**

Saya yang menjalankan amanah.



**(ABD RAZAK BIN HJ. IDRIS)**  
KPP Unit Pembangunan Bakat Murid  
Sektor Pembangunan Murid  
b.p. Pengarah Pendidikan  
Jabatan Pendidikan Negeri Sembilan

s.k. 1. Pengarah Pendidikan N. Sembilan  
2. Pegawai Pendidikan Daerah N. Sembilan  
3. Chief Operating Officer, Elvira System Sdn. Bhd